

CNS0208

U GB 17-07 00184 BA319

aab

MALAYSIA PERLU JADI KUASA BESAR UNTUK PERTAHANKAN ISLAM: MAHATHIR  
Mahathir - Islam

KUALA BESUT, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu menjadi kuasa besar untuk mempertahankan agama dan umat Islam di seluruh dunia.

Sekiranya negara ini mencapai taraf itu, pendapat dan desakan yang disuarakannya di mana-mana jua akan sentiasa dihormati dan umat Islam tidak mudah ditindas, katanya ketika berucap kepada rakyat selepas solat fardu Jumaat di Kampung Teluk Budu, di sini.

Hari ini, Malaysia tidak dapat membantu saudara Islam yang tertindas di beberapa negara lain kerana kedudukannya sebagai negara membangun yang masih lemah, katanya.

Dr Mahathir berkata bukan mustahil bagi Malaysia menjadi kuasa besar kerana sejarah menunjukkan bahawa Belanda yang mempunyai 10 juta penduduk dapat menguasai Indonesia yang mempunyai lebih 100,000 juta penduduk.

+Bukan niat kita hendak menguasai mana-mana negara, tetapi saya berpendapat adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memperkukuh dan memperkayakan diri kita serta menguasai segala ilmu supaya kita dapat memberi bantuan kepada umat Islam di negara lain dan mempertahankan Islam,+ katanya. -- Lagi

▼17/07/16-09MST

U GB 17-07 00127 BA320

aab

Mahathir - Islam 2 (Akhir) Kuala Besut

Perdana Menteri berkata umat Islam di negara ini harus sentiasa ingat dan insaf dengan nikmat yang diperolehi serta dapat beribadat dan mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna tanpa sebarang gangguan atau ancaman.

Beliau juga memberi contoh bagaimana kemiskinan boleh membawa umat Islam meninggalkan agama mereka seperti yang berlaku di Amerika Selatan.

Dr Mahathir tiba di sini tengah hari ini setelah berehat dan bermalam di Pulau Perhentian, dekat sini, malam tadi.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor turut bersama-sama beliau di Pulau Perhentian.

Perdana Menteri sedang dalam rangka lawatan empat hari ke negeri Terengganu sejak Selasa lepas. -- Bernama

▼17/07/16-14MST